

Persidangan antiperang mampu ubah landskap politik antarabangsa – Dr. M

PBB perlu ambil peranan serius

UM - 28/10/09

Oleh **TARMIZI ABDUL RAHIM**
tarmizi.rahim@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 27 Okt. – Bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad (gambar) optimis hasil Persidangan dan Pameran Antarabangsa Mengenai Jenayah Perang akan mampu mengubah landskap politik antarabangsa terhadap negara-negara yang mempromosikan perang.

Beliau bagaimanapun mengakui reaksi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dan negara kuasa besar untuk mengambil serius pandangan persidangan itu terutamanya keputusan yang bakal dicapai melalui tribunal mangsa perang, Suruhanjaya Perang Kuala Lumpur, adalah tipis.

Menurutnya, sebelum ini telah terbukti PBB langsung tidak memainkan

peranan yang sepatutnya bagi menangani perang dan pembunuhan beramai-ramai yang dicituskan oleh negara kuasa besar.

“Dalam tribunal ini, kita guna peruntukan undang-undang sama seperti yang termaktub dalam Piagam PBB tetapi pada hakikatnya telah gagal dikuatkuasakan oleh badan dunia itu.

“Kita mahu tunjukkan jika mereka tidak melakukan apa yang sepatutnya, maka kita tunjukkan apa yang sebenarnya perlu dilakukan terhadap negara penjenayah perang itu,” katanya.



Beliau berkata demikian pada sidang akhbar mengenai Persidangan dan Pameran Antarabangsa Mengenai Jenayah Perang selama empat hari yang bermula esok di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Tambah Dr. Mahathir, matlamat utama persidangan itu untuk mendidik masyarakat dunia mengenai erti peperangan dan menanamkan sifat sukakan keamanan, kasih sayang dan belas kasihan.

Ia sekali gus, katanya, akan mendidik negara-negara lain menerima bahawa jenayah perang yang dicituskan oleh

negara kuasa besar adalah salah dan tindakan ganas itu perlu dihukum.

Ditanya bagaimana beliau optimis usahanya itu akan berjaya sedangkan PBB sendiri pada masa yang sama gagal mengambil tindakan terhadap negara penjenayah tersebut, katanya, tribunal perang itu yang mengkhusus kepada jenayah perang di Iraq akan membicarakan kesalahan mereka.

“Apabila keputusan diperoleh, ia akan dikemukakan kepada PBB, pada masa sama juga kita akan siarkan di seluruh dunia melalui pelbagai mekanisme seperti Internet.

“Sudah tentu kita tidak mampu menghukum, menangkap dan seterusnya menyumbat penjenayah itu ke dalam penjara, tetapi kita boleh menggiatkan kempen supaya mereka ini tidak diterima dalam mana-mana negara di seluruh dunia,” katanya.

Dr. Mahathir berkata, pihaknya juga akan melobi penduduk negara demokratik untuk hanya menerima calon presiden, ahli kongres dan ahli Parlimen yang menolak keganasan perang yang akhirnya mampu mengubah landskap politik dunia.

“Jika kita bagi sokongan kepada pemimpin seperti ini maka kita akan dapat Parlimen yang dipenuhi oleh mereka yang anti peperangan. Mereka ini juga boleh membuat undang-undang mencegah perang.

“Perkara sama berlaku dalam isu perhambaan sedikit masa dahulu, malah selepas ia dihapuskan rakyat kulit hitam di Amerika Syarikat masih dilayan sebagai warganegara kelas kedua tetapi akhirnya pada masa ini pemimpin kulit hitam pula yang dipilih menjadi presiden iaitu Barack Obama,” katanya.